

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**SOALAN NO. 334**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan untuk bina baru dan baik pulih di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini. Apakah penambahbaikan projek PPRT yang telah dijalankan bagi memastikan penerima projek ini mendiami rumah yang selesa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pada tahun 2019, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM200 juta bagi Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) meliputi bantuan bina baharu dan baik pulih rumah di luar bandar.

2. Daripada peruntukan tersebut, sebanyak RM86.038 juta adalah untuk bantuan bina baharu rumah yang melibatkan sasaran pembinaan sebanyak 1,224 unit, manakala sebanyak RM113.962 juta adalah untuk bantuan baik pulih bagi sasaran pembaikan 7,354 unit rumah daif di seluruh negara. Keseluruhan bantuan rumah sebanyak 8,578 unit ini dianggarkan dapat dinikmati oleh 43 ribu penerima manfaat.

3. Sehingga bulan Jun 2019, permohonan rumah yang direkodkan dalam Bank Data Kemiskinan Nasional (eKasih) adalah berjumlah 31,555 permohonan dengan pecahan sebanyak 14,117 permohonan baik pulih rumah dan 17,438 permohonan bina baharu rumah.

4. Selain permohonan melalui data bank tersebut, Kementerian juga menerima permohonan melalui *Focus Group* Daerah/ Negeri, permohonan individu/ berkelompok, aduan melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan program *Search and Assist* oleh pegawai kementerian serta agensi di bawah Kementerian. Walau bagaimanapun, bantuan rumah yang dapat disalurkan kepada kumpulan sasaran adalah tertakluk kepada peruntukan tahunan yang diterima oleh Kementerian.

5. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 1,144 projek bina baharu (iaitu 93.46 peratus daripada sasaran tahun semasa) dan 4,942 projek baik pulih rumah (iaitu 67.20 peratus daripada sasaran tahun semasa) telah diluluskan dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

6. Untuk memastikan pelaksanaan yang lancar dan impak yang lebih besar, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah ditambah baik dalam beberapa perkara seperti berikut:

- i. Perubahan spesifikasi dan rekabentuk PPRT sedia ada melibatkan pengurangan kos sehingga 18%. Perubahan ini tidak menjejaskan kualiti serta skop PPRT sedia ada iaitu dengan keluasan 660 kaki persegi dan 3 bilik tidur. Dengan pengurangan kos, tambahan unit rumah dapat disediakan kepada penerima yang layak;

- ii. Melaksanakan kaedah pembinaan secara *Industrialised Building System* (IBS) untuk mengurangkan tempoh pembinaan disamping mengekalkan spesifikasi dan kualiti berbanding kaedah konvensional;
- iii. Mempelbagaikan sumber data permohonan PPRT dengan mengadakan program *Search and Assist* oleh pegawai kementerian serta agensi di bawah Kementerian selain sumber data utama permohonan melalui sistem eKasih dan *Focus Group* Daerah/ Negeri; dan
- iv. Menambah baik tatacara pelaksanaan program PPRT dengan memberi fokus kepada kualiti pelaksanaan, keperluan khas untuk warga emas dan orang kurang upaya (OKU) serta menetapkan prosedur operasi standard (SOP) bagi proses-proses berkaitan kawalan pelaksanaan.